



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH
DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-76 TAHUN BAGI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA
BAGI TAHUN 2022**

Hari Isnin, 18 Zulhijjah 1443 bersamaan 18 Julai 2022

Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-76 tahun bertempat di Surau, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi termasuk pegawai dan kakitangan daripada Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Majlis dimulakan dengan solat Sunat Hajat yang diimamkan oleh Yang Mulia Awang Mohd Adhan bin Hashim, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan diikuti dengan bacaan Yaasin, Tahlil serta Doa Kesyukuran sebelum diakhiri dengan Solat Fardhu Asar berjemaah.

Majlis berkenaan diadakan sebagai melahirkan kesyukuran akan kepimpinan Baginda Sultan dan seterusnya memanjatkan doa ke hadrat Allah S.W.T semoga Baginda dilanjutkan usia, sihat walafiat dan kekal qasar memerintah negara dengan berlandaskan iman dan panduan daripada Allah S.W.T.

Majlis pada tahun ini adalah dikelolakan oleh Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh: 18 Zulhijjah 1443
18 Julai 2022**